

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

FFP 361 Farmasi Forensik

Masa: (3 jam)

---

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (a) Seorang ahli farmasi yang berpraktik diperlukan mempunyai satu Sijil Pengekalan Tahunan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951. Apakah akibatnya jika beliau gagal untuk mengekalkan namanya di dalam Daftar?
- (b) Dalam keadaan apakah Lembaga Farmasi boleh membatalkan Sijil Pengekalan Tahunan seorang ahli farmasi?

(16 markah)

2. (a) Di bawah Akta Racun 1952, "Jualan Runcit" (Retail Sale) bererti sebarang jualan selain daripada jualan borong. Apakah yang anda faham tentang jualan runcit dengan merujuk kepada jualan racun Kumpulan B dan E?
- (b) Terangkan keperluan-keperluan pelabelan racun-racun Bahagian I Kumpulan C seperti yang ditentukan di dalam Akta Racun 1952:-
  - (i) bila dijual secara runcit.
  - (ii) bila dijual secara borong.

(17 markah)

...3/-

3. (a) Banding dan bezakan tentang penyimpanan rekod bagi dadah-dadah merbahaya dan bahan-bahan psikotropik.
- (b) Siapakah yang diberi kuasa untuk mengimport dadah merbahaya?
- (c) Apakah yang anda faham dengan "Kuasa Mengimport" (Import Authorisation) di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952?

(17 markah)

4. (a) Kelaskan item-item berikut berdasarkan Akta Racun 1952 dan Akta Dadah Merbahaya 1952 mengikut mana yang berkenaan. (Kelaskan mengikut kedua-dua perundangan jika kedua-duanya berkenaan).
- (i) Kapsul Ampisilin 250 mg.
  - (ii) Tablet Reserpina 0.25 mg.
  - (iii) Tablet mengandungi 0.25 mg Atropina Sulfat dan 2.5 mg Difenoksilat (Diphenoxylate).
  - (iv) Pil Kontraseptif Oral mengandungi 150 mg Levonorgestrel dan 30 mcg Etiniloestradiol.
  - (v) Makanan haiwan mengandungi 5% Tetrasiklin HCl.
  - (vi) Tablet mengandungi 50 mg Asid Askorbik dan 500 mg Parasetamol.
  - (vii) Tablet Diazepam 5 mg.
  - (viii) Asid Nitrik Pekat.
  - (ix) Ubat Titis Mata mengandungi 0.05% Tetrahidrazolina HCl.
  - (x) Tablet Amantadina HCl.

- (b) Terangkan bagaimana Akta Racun 1952 memperuntukkan pengawalan eksport racun-racun.

(16 markah)


5. (a) Apa yang anda faham dengan "Hasil" (Product) di bawah Peraturan Dadah dan Kosmetik 1984?
- (b) Apakah keperluan perundangan di bawah peraturan ini bagi seseorang untuk mengilang dan menjual secara borong hasil (product) demikian?
- (c) Bincangkan kuasa dan peranan seorang pegawai dan inspektor di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik, 1984.

(17 markah)

6. (a) Apakah peranan dan fungsi Lembaga Pengiklanan Ubat?

...5/-

- (b) Encik A memasarkan satu jenis krim kosmetik untuk mencantikkan kulit. Baru-baru ini, dia berpendapat bahawa ianya akan menarik lebih banyak pelanggan jika dia mendakwa bahawa krim kosmetik ini dapat juga meredakan sakit otot dan mencegah kanser kulit. Kemudian, dia mengiklankan krim kosmetik ini di dalam surat khabar yang membawa dakwaan di atas. Adakah Encik A melanggar peruntukan Akta Ubatan (Pengiklanan dan Jualan) 1956? Terangkan. Bagaimanakah anda akan menasihatkan Encik A untuk memasarkan dan mengiklankan hasil ini supaya memenuhi kehendak Akta di atas?
- (c) Beri komen anda jika iklan ini muncul di dalam akhbar tempatan.



(17 markah)